

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R. SANTIAGO [KLANG]
TARIKH : 27 JULAI 2017
SOALAN : 16

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kini mengenai cadangan Kementerian untuk mengemukakan kertas kerja untuk kelulusan Jemaah Menteri mengenai kesudian Kerajaan untuk menggunakan 'Hak Kerajaan' untuk menurunkan harga ubat 'Sofosbuvir' untuk menangani Hepatitis C.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, anggaran rawatan Hepatitis C menggunakan Sofosbuvir termasuk kombinasinya mencecah RM 300 ribu bagi setiap pesakit. Oleh kerana kos ini adalah tinggi, KKM telah mengkaji beberapa kaedah untuk meningkatkan akses rawatan hepatitis C di Malaysia. Antara kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan akses ubat Sofosbuvir yang murah adalah dengan menggunakan Hak Kerajaan, di mana kerajaan Malaysia dapat mengimport ubat generik Sofosbuvir yang harganya jauh lebih murah berbanding ubat Sofosbuvir *innovator* dengan syarat-syarat tertentu.

Sehubungan itu, Kementerian ini dalam peringkat akhir penyediaan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan perkara ini dan akan dikemukakan untuk kelulusan di peringkat Jemaah Menteri.